



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA  
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA  
SEKTOR OPERASI SEKOLAH  
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E  
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302  
Faks : +603-8888 6680  
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1Jd2(93)

Tarikh : 04 Jun 2020

**Semua Ketua Bahagian  
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN MENGENAI ARAHAN KEPADA GURU KEMBALI KE TEMPAT BERTUGAS**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, selaras dengan Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Bilangan 2 Tahun 2020: Garis Panduan Pengoperasian Pejabat Jabatan Perkhidmatan Awam Bagi Tempoh Semasa Dan Selepas Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat bertarikh 6 Mei 2020 bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berada pada tahap baik dan efektif, semua penjawat awam diarahkan berada di tempat bertugas masing-masing sebagai persediaan untuk kembali bertugas.

3. Sehubungan dengan itu, semua guru dikehendaki berada di tempat bertugas masing-masing dan bersedia untuk bertugas setelah tamat cuti pertengahan tahun pada 7 Jun 2020 (bagi sekolah dalam negeri Kumpulan A) dan 8 Jun 2020 (bagi sekolah dalam negeri Kumpulan B).

4. Surat arahan kepada guru kembali ke tempat bertugas boleh dikeluarkan oleh Ketua Jabatan masing-masing untuk memaklumkan kepada guru berkenaan bahawa mereka perlu kembali ke tempat bertugas. Bersama-sama ini, disertakan contoh surat (Lampiran) daripada Ketua Jabatan untuk guru kembali bertugas sebagai rujukan kepada pihak sekolah.

5. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan adalah dimohon untuk memaklumkan isi kandungan surat ini kepada semua pegawai di jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pengetua dan guru besar bawah kawalan pihak YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,


**HAJJ ADZMAN BIN TALIB**

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
(Sektor Operasi Sekolah)

merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia

*Sila catatkan rujukan Pejabat ini apabila berhubung*

**Lampiran**



**Nama Sekolah**

Alamat :  
Tel:  
Fax:  
Emel:

Rujukan :  
Tarikh :

Encik Ahmad bin Hamid  
Kampung Kinta  
31150 Ulu Kinta  
Perak

Alamat tempat bercuti/berada

Tuan,

**ARAHAN KEPADA GURU KEMBALI KE TEMPAT BERTUGAS**

Adalah dimaklumkan bahawa tuan dikehendaki kembali ke tempat bertugas bagi menjalankan tugas-tugas persiapan pembukaan sekolah dan memudahkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Butir-butir pergerakan adalah seperti berikut:

	NAMA	NO. KP	TEMPAT BERTUGAS
1.			(nama sekolah)

2. Kehadiran tuan untuk kembali bertugas ini adalah selaras dengan **Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Bil.2/2020: Garis Panduan Pengoperasian Pejabat Jabatan Perkhidmatan Awam Bagi Tempoh Semasa Dan Selepas Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat bertarikh 6 Mei 2020**. Berdasarkan kebenaran daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bilangan 40 Tahun 2020 bertarikh 3 Jun 2020, dengan surat arahan ini tuan serta keluarga adalah dibenarkan melaksanakan pergerakan merentas negeri dan dikehendaki melaksanakan perjalanan pulang ke tempat bertugas mulai tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_. ] tempoh

Segala kerjasama dan perhatian dalam hal ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah

**(ZAINI BIN ABDUL AZIZ)**  
**Pengetua/Guru Besar**